

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 28 Ogos 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA  
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,  
MALAYSIA, JULAI 2023**

---

**Terma Perdagangan kembali merekodkan pertumbuhan positif pada Julai 2023  
dengan 0.6 peratus**

**PUTRAJAYA, 28 OGOS 2023** – Harga eksport Malaysia pada Julai 2023, merosot 0.1 peratus daripada 141.8 mata pada bulan sebelumnya kepada 141.6 mata. Begitu juga, harga import turut jatuh 0.7 peratus daripada 128.5 mata kepada 127.6 mata manakala terma perdagangan Malaysia meningkat 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 111.0 mata pada Julai 2023, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), Julai 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barang selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Indeks nilai seunit eksport menyusut 0.1 peratus pada Julai 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh penyusutan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-4.2%), bahan kimia (-0.6%) dan minyak galian (-0.2%). Selain itu, indeks volum eksport turut jatuh 5.7 peratus pada bulan yang sama, selaras dengan kejatuhan indeks minyak galian (-13.9%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-7.5%) dan

barang-barang keluaran kilang (-7.2%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim merosot 1.3 peratus daripada 157.7 mata kepada 155.7 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing turun 6.5 peratus dan 7.0 peratus.


Indeks nilai seunit import turut jatuh 0.7 peratus pada Julai 2023, disumbangkan oleh kejatuhan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-2.0%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-0.7%) dan bahan kimia (-0.3%). Manakala, indeks volum import meningkat 2.0 peratus pada Julai 2023 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+7.8%), pelbagai barang keluaran kilang (+6.9%) dan barang-barang keluaran kilang (+5.0%). Indeks volum import pelarasan bermusim susut 0.1 peratus daripada 174.8 mata kepada 174.6 mata. Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan indeks nilai seunit import dan indeks volum masing-masing berkurang 5.5 peratus dan 10.8 peratus."

Di samping itu, terma perdagangan Malaysia naik 0.6 peratus bulan ke bulan kepada 111.0 mata pada Julai 2023, didorong oleh kenaikan indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+2.7%), pelbagai barang keluaran kilang (+1.1%) dan bahan mentah tidak boleh dimakan (+0.8%). Terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun pula susut 1.0 peratus daripada 112.2 mata pada Julai tahun lalu.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”



**Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import**  
**Januari 2021 – Julai 2023**

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
28 OGOS 2023**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, August 28<sup>th</sup> 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,  
MALAYSIA, JULY 2023**

---

***Terms of trade rebounded to a positive growth in July 2023 with 0.6 per cent***

**PUTRAJAYA, AUGUST 28, 2023** – Malaysia's export prices in July 2023 declined by 0.1 per cent from 141.8 points in the previous month to 141.6 points. Similarly, import prices also fell 0.7 per cent from 128.5 points to 127.6 points, while Malaysia's terms of trade increased 0.6 per cent month-on-month to 111.0 points in July 2023 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), July 2023**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The export unit value index contracted by 0.1 per cent in July 2023 compared to the previous month, led by the decrease in the index of animal & vegetable oils & fats (-4.2%), chemicals (-0.6%) and mineral fuels (-0.2%). In addition, the export volume index also fell by 5.7 per cent in the same month, in line with the decrease in the index of mineral fuels (-13.9%), machinery & transport equipment (-7.5%) and manufactured goods (-7.2%). The seasonally adjusted export volume index declined 1.3 per cent from 157.7 points to 155.7 points. Referring to the annual comparison, the unit value and volume indices decreased by 6.5 per cent and 7.0 per cent, respectively.


*The import unit value index also dropped by 0.7 per cent in July 2023, attributed by the decrease in the index of machinery & transport equipment (-2.0%), animal & vegetable oils & fats (-0.7%) and chemicals (-0.3%). Meanwhile, the import volume index increased 2.0 per cent in July 2023 compared to the previous month, contributed by the increment in the index of machinery & transport equipment (+7.8%), miscellaneous manufactured articles (+6.9%) and manufactured goods (+5.0%). The seasonally adjusted import volume index shrank 0.1 per cent from 174.8 points to 174.6 points. A year-on-year comparison showed that the import unit value and volume indices decreased by 5.5 per cent and 10.8 per cent, respectively."*

*In addition, Malaysia's terms of trade increased by 0.6 per cent month-on-month to 111.0 points in July 2023, driven by the rise in the index of machinery & transport equipment (+2.7%), miscellaneous manufactured articles (+1.1%) and inedible crude materials (+0.8%). However, Malaysia's terms of trade shrank by 1.0 per cent year-on-year from 112.2 points in July of the previous year.*

*DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".*



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices**  
**January 2021 – July 2023**

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**28 AUGUST 2023**